

A Pilih kata hubung yang paling sesuai. Membaca : TP4



- 1 Ramai orang mengunjungi Kota A Famosa _____ tempat ini mempunyai nilai sejarah yang tersendiri.

A kerana C lalu
B sejak D serta

- 2 _____ Razak sangat aktif dalam sukan badminton, _____ dia tidak pernah mengabaikan pelajarannya.

A Sungguhpun...tetapi
B Bukan sahaja...malah
C Jangankan...pun
D Sama ada...ataupun

- 3 Saya akan menjaga keluarga saya _____ hayat dikandung badan.

A jika C selagi
B kalau D serta

- 4 Encik Ramli bukan sahaja seorang yang berbudi pekerti, _____ beliau juga murah hati.

A malahan C lalu
B kerana D untuk

- 5 Setiap petang, Cikgu Swee Ping membimbing murid-muridnya cara menjawab soalan Matematik _____ mereka lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan nanti.

A sambil C apabila
B supaya D bagi

- 6 Fuad mencium tangan kedua-dua orang tuanya _____ pergi ke sekolah.

A sebelum
B selepas
C serta
D kerana

- 7 Dia terpaksa mengelek buku latihannya _____ beg sekolahnya telah koyak.

A kerana
B jika
C sementara
D supaya



- 8 Puan Ramlah sedang menyapu sampah _____ suaminya mencuci kereta.

A malahan
B hingga
C manakala
D supaya